

# penyata PENGURUSAN RISIKO

## Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Lembaga Pengarah MNRB percaya bahawa Rangka Kerja Pengurusan Risiko yang berkesan adalah penting kepada Kumpulan dalam usaha untuk mencapai objektif-objektif korporat, terutamanya bagi mencapai keuntungan berterusan dan peningkatan nilai pemegang saham dalam persekitaran pasaran yang pesat berubah masa ini.

Dengan matlamat ini, Lembaga Pengarah telah menubuhkan Jawatankuasa Lembaga khusus yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga (RMCB) di syarikat pemegang dan di setiap anak syarikatnya untuk membangun dan mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko di seluruh peringkat perniagaan dalam setiap syarikat. Bagi melengkapkan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan khas yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC) juga telah ditubuhkan di peringkat operasi anak syarikat untuk membantu RMCB masing-masing dalam memastikan budaya pengurusan risiko proaktif berdasarkan seluruh perniagaan diamalkan di peringkat anak-anak syarikat dan seterusnya, di keseluruhan Kumpulan.

### JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA (RMCB)

Bidang tugas RMCB bagi syarikat induk dan anak-anak syarikatnya adalah seperti berikut:

#### Objektif

Objektif utama RMCB adalah untuk mengawasi kegiatan-kegiatan Pengurusan Kanan dalam menguruskan bidang-bidang risiko penting syarikat induk dan anak-anak syarikat yang beroperasi dan untuk memastikan supaya proses pengurusan risiko telah tersedia dan berfungsi dengan berkesan.

#### Komposisi Jawatankuasa

Ahli-ahli RMCB dilantik oleh Lembaga Pengarah dan terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif. Pengerusi RMCB ialah

seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa.

Ahli-ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Yusoff Yaacob – *Pengerusi*

P. Raveenderen

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor

#### Tanggungjawab Jawatankuasa

RMCB bertanggungjawab untuk:

- i) Mengkaji semula dan mengesyorkan strategi pengurusan risiko, dasar dan toleransi risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- ii) Mengkaji dan menilai kecukupan dasar pengurusan risiko dan rangka kerja bagi mengenal pasti,

mengukur, memantau dan mengawal risiko serta tahap keberkesanan kegiatan tersebut;

- iii) Memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang mencukupi tersedia untuk pengurusan risiko yang berkesan iaitu dengan memastikan supaya kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan sistem pengurusan risiko dapat menjalankannya secara bebas daripada kegiatan berisiko anak syarikat; dan
- iv) Mengkaji semula laporan pengurusan berkala mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

#### Mesyuarat Jawatankuasa

RMCB mengadakan mesyuarat berkala, sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun dan melapor secara tetap kepada Lembaga Pengarah.

## penyata **pengurusan risiko**

### **Korum**

Korum bagi mesyuarat RMCB terdiri daripada sekurang-kurangnya dua (2) orang ahli dan salah seorang daripadanya adalah Pengarah Bebas.

### **Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (ORMC)**

ORMC telah ditubuhkan di setiap anak syarikat yang beroperasi dan ahlinya terdiri daripada kakitangan pengurusan penting bagi setiap syarikat.

Peranan utama ORMC ialah untuk membantu RMCB dalam menyelia pengurusan risiko operasi. Berikutan penubuhan ORMC, Jabatan Pengurusan Risiko juga telah ditubuhkan untuk meningkatkan pengurusan risiko operasi dan membantu ORMC dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

Secara ringkas, Lembaga Pengarah percaya bahawa pengurusan risiko adalah tanggungjawab bersama di seluruh organisasi dan kebertanggungjawapan yang jelas perlu ada untuk memastikan kejayaannya. Oleh yang demikian, rangka kerja pengurusan risiko dalam Kumpulan disusun atas dasar berikut:

- i) Lembaga Pengarah bertanggungjawab secara muktamad terhadap pengurusan risiko. Sehubungan dengan ini, RMCB, bagi pihak Lembaga Pengarah, mengawasi keberkesanan pelaksanaan proses pengurusan risiko dalam Kumpulan, termasuk bidang utama risiko berkaitan pengunderaitan, pelaburan, kredit dan kadar faedah.

- ii) Jawatankuasa Audit melengkapkan peranan RMCB dengan menyediakan penilaian bebas mengenai kecukupan dan kebolehpercayaan proses pengurusan risiko, dan pematuhan dengan dasar risiko dan garis panduan penguatkuasaan peraturan. Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Audit Dalaman bebas dalam melaksanakan peranannya.
- iii) ORMC menyediakan bantuan yang sewajarnya kepada RMCB dalam menguruskan proses pengurusan risiko.
- iv) Setiap jabatan hendaklah memainkan peranan dengan melaksanakan dasar pengurusan risiko dan memastikan supaya dasar-dasar ini dipatuhi dalam kegiatan seharian.

### **Inisiatif-inisiatif Penting yang Dijalankan**

Kumpulan telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko perniagaan bagi mengenalpasti, menilai, mengurus dan melaporkan risiko-risiko Kumpulan secara berkesan dan berterusan dalam mematuhi Syarat-Syarat Penyenaraian.

Sejajar dengan keperluan rangka kerja pengurusan risiko, Kumpulan telah selesai melaksanakan penilaian di seluruh peringkat perniagaan mengenai keadaan semasa profil risiko Kumpulan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- i) Mengetahui risiko penting yang mungkin menghalang Kumpulan daripada mencapai objektif strategiknya;

- ii) Mengetahui pasti kawalan yang sedia ada untuk mengurangkan risiko penting ini; dan
- iii) Pembangunan pelan tindakan untuk terus mengurangkan risiko dan memastikan pengurusan risiko yang lebih baik.

Selain daripada perkara di atas, kegiatan utama berikut telah dilaksanakan untuk melengkapkan rangka kerja pengurusan risiko di peringkat seluruh perniagaan:

- i) Menyampaikan proses pengurusan risiko ke peringkat jabatan. Sehubungan dengan ini, semua jabatan dalam anak-anak syarikat yang beroperasi telah melaksanakan proses pengurusan risiko di peringkat jabatan;
- ii) Menyediakan pemboleh pengurusan risiko di semua jabatan yang membolehkan penilaian sendiri risiko secara berterusan oleh pemilik risiko; dan
- iii) Menggunakan proses pengurusan risiko sebelum memulakan sebarang projek/inisiatif utama.

Dengan tersedianya rangka kerja pengurusan risiko, Kumpulan mempunyai proses yang mantap dan teratur bagi takrifan dan pengurusan risiko serta rangka kerja laporan rasmi antara pemilik risiko, pihak Pengurusan dan RMCB.